

BERITA HARIAN

DATE: 24 / 01 / 2008

# Abdullah sentuh misi Malaysia dalam WEF

PM turut promosi KL tuan rumah forum ekonomi Asia Timur

BH - 24/1/2008

Mutazar  
Abdul Ghani

di Davos, Switzerland



**D**ATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi tiba di bandar perangnya ini, kira-kira 160 kilometer dari Zurich, semalam bagi menghadiri mesyuarat tahunan lima hari Forum Ekonomi Dunia (WEF) 2008, yang akan berlangsung sehingga Ahad.

Ketibaan Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah disambut Duta Malaysia ke Switzerland, Datuk Mohd Yusof Ahmad serta pegawai kedutaan.

Turut serta dalam rombongan Perdana Menteri ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan isteri, Datin Seri Sharifah Aziah Syed Zainal Abidin; Menteri Besar Tereng-

ganu, Datuk Seri Idris Jusoh; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis; dan Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd, Datuk Azman Mokhtar.

Semalam, Perdana Menteri menghadiri taklimat mengenai WEF dan mengadakan pertemuan dengan Ketua Pengarang *The Economist*, John Micklethwaite, sebelum menghadiri jamuan makan malam dihoskan Prof Klaus Schwab.

Hari ini, Abdullah dijangka menyampaikan ucapan pembukaan pada sesi pleno WEF, bertajuk 'Kepercayaan dan Modernisasi', yang akan dipengerusikan oleh bekas Perdana Menteri Britain, Tony Blair.

Perbincangan akan bertumpu pada Deklarasi Makkah, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan jurang kebudayaan yang menjejaskan dunia pada hari ini.

Perdana Menteri juga akan mengadakan pertemuan dengan Penge-

rusi Kumpulan Standard Chartered, Mervyn Darvies; perjumpaan dua hala dengan Presiden Ukraine, Viktor Yushchenko; selain pertemuan dengan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Bombardier, Laurent Beaudoin.

Acara sampingan lain yang dihadiri Abdullah pada hari kedua mesyuarat ialah perjumpaan dua hala dengan Presiden Pakistan, Pervez Musharraf dan majlis makan malam yang dihoskan Duta Malaysia ke Switzerland.

Kehadiran Abdullah di sini juga bertujuan mempromosikan Malaysia sebagai tuan rumah Forum Ekonomi Asia Timur Dunia yang dijadualkan di Kuala Lumpur pada 15 dan 16 Jun ini. Perdana Menteri dijadualkan berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada jam 12 tengah hari Sabtu.

Sementara itu, Syed Hamid pada sidang media dengan wartawan Malaysia di sini, semalam, berkata Per-

dana Menteri akan menggunakan kesempatan WEF 2008 untuk mengemukakan pandangan dan idea yang boleh Malaysia mainkan bagi membantu meningkatkan kesejahteraan masyarakat di seluruh dunia, selain mewujudkan rantaian Malaysia dengan pemimpin dunia dan perniagaan yang menghadiri forum itu.

Katanya, pada sidang pleno - "Komuniti Baru Muncul Asia: Peranan Asean", Perdana Menteri antara lain akan mengemukakan pandangan mengenai bagaimana Malaysia boleh memainkan peranan penting dalam menjadikan Asean sebagai pertubuhan serantau yang disegani.

Beliau berkata, dengan pengalaman luas beliau (Perdana Menteri) mengenai Asean termasuk ketika menjadi Menteri Luar, Perdana Menteri sudah tentu mempunyai banyak idea mengenai bagaimana untuk membantu menjadikan Asean sebagai pertubuhan yang penting.